

TNC (A & A) Dan TNC (P & I) Baharu UUM Dilantik

Unit Komunikasi Korporat

Telah Dihantar: 18 Ogos 2010 10:04

Kepada: UUM - All Staff; UUM All Student

18 OGOS 2010 / 8 RAMADAN 1431H


=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

TNC (A & A) Dan TNC (P & I) Baharu UUM Dilantik

Oleh: Nur Shazana Abdul Rani

Gambar: Hairul Nizam Zahari



Sekitar Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan dan Penyerahan Tugas Timbalan Naib Canselor UUM yang baharu, semalam.

UUM ONLINE: Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan dan Penyerahan Tugas Timbalan Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM) yang baharu telah disempurnakan oleh Naib Canselor UUM, Prof. Dr. Mohamed Mustafa di Bilik Mesyuarat Senat, Bangunan Canselori semalam.

Mereka terdiri daripada Prof. Dr. Rosna Awang Hashim yang dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarbangsa, dan Prof. Dr. Abdul Razak Saleh sebagai Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi.

Mereka akan memikul tanggungjawab mengikut portfolio masing-masing yang ditetapkan oleh pihak pengurusan UUM bagi memperkukuhkan gerak kerja UUM dalam mencapai matlamat UUM sebagai Universiti Pengurusan Terkemuka dan juga Research University (RU) dalam bidang pengurusan dan sains sosial.